



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 JUN 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

SINAR HARIAN

- Pandan Indah lubuk mak nyah

24



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 JUN 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pandan Indah lubuk mak nyah
Muka Surat	24

Pandan Indah lubuk mak nyah?

SH 26/6/19 ms24

Rumah kedai, sekitar pusat beli-belah didakwa jadi tumpuan golongan itu

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDANG INDAH

Rumah kedai dan kawasan sekitar sebuah pusat beli-belah di sini dipercayai menjadi lubuk mak nyah menjalarkan aktiviti tidak bermoral sejak 10 tahun lalu.

Difahamkan, ramai mak nyah silih berganti menetap di kawasan itu yang turut disewa oleh warga asing.

Tinjauan *Sinar Harian* di kawasan itu pada jam 1 pagi kelmarin mendapati pelbagai strategi digunakan golongan itu untuk menarik perhatian pelanggan.

Berpakaian mencolok mata, mak nyah yang berpelesenan di kawasan terbabit dilihat sibuk memancing pelanggan.

Terdapat tiga kereta dan sebuah motosikal didapati berlegar-

legar di kawasan itu sebelum berhenti dan berinteraksi dengan golongan berkenaan.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad menerusi status di akaun Facebook miliknya mendakwa menerima aduan penduduk mengenai isu berkenaan.

"Kawasan tersebut telah menjadi tarikan untuk mereka yang mempunyai minat luar biasa kerana terdapat mereka yang menawarkan 'perkhidmatan' tersebut di kawasan berkenaan."

"Masyarakat di sini berharap pihak berkuasa akan melakukan sesuatu sebelum Pandan Indah menjadi terkenal seperti Chow Kit," tulisnya.

Iskandar turut menggesa ahli jawatankuasa masjid atau surau berhampiran turun padang dan menasihati golongan mak nyah terbabit.

"Kita harus bercakap secara baik, tidak perlu kasar. Jangan kita selesa di dalam masjid dan surau masing-masing sahaja. Tang-

Majoriti mak nyah di kawasan itu bukan beragama Islam dan berasal dari Sabah



AHMAD NAWI

gungjawab dakwah di dalam masyarakat perlu dilaksanakan. Selalu kita berdakwah kepada orang baik-baik, sekali-sekala keluarlah dari zon selesa," tulisnya lagi.

Sementara itu, seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Izam berkata, sebahagian

penghuni yang sudah berkeluarga berpindah dari kawasan terbabit kerana tidak selesa dengan situasi di situ.

"Saya ada tiga anak berusia enam tahun hingga 10 tahun. Bayangkan kesan buruk keadaan persekitaran ini kepada anak saya. Tetapi kerana masalah kewangan saya dan isteri terpaksa tinggal di sini. Kami harap pihak berkuasa ambil tindakan segera," katanya. Mengulas mengenai isu itu,



Iskandar Abdul Samad

Jun 18 at 8:54 PM · 🌐

Jalan-jalan di tepi dan belakang Pandan Indah telah menjadi tarikan utk mereka yang mempunyai minat yang luarbiasa kerana terdapat mereka yang menawarkan perkhidmatan tersebut di situ. Masyarakat di Pandan Indah berharap pihak berkuasa akan melakukan sesuatu sebelum Pandan Indah menjadi terkenal seperti Chow Kit.

👍 🙄 🙄 🙄 🙄 and 48 others

9 Comments

Iskandar mendakwa beberapa kawasan di Pandan Indah menjadi lubuk mak nyah melakukan aktiviti tidak bermoral menerusi status di akaun Facebook miliknya.

Pegawai Masjid Al-Azim Ahmad Nawi Othman berkata, pihaknya bersama Jabatan Agama Islam Selangor kerap melakukan serbuan di situ.

"Kita kerap melaksanakan operasi cegah maksiat setiap minggu. Kita mendapati jumlah mak nyah beragama Islam di kawasan itu telah berkurangan berbanding sebelum ini. Majoriti mak nyah yang masih ada di kawasan tersebut adalah bukan Is-

lam dan berasal dari Sabah," katanya.

Ahmad Nawi berkata, pihaknya turut mengenal pasti tiga mak nyah yang beragama Islam dan kesemua mereka pernah ditahan serta diminta menghadiri kaunseling.

"Kita akan mempertingkatkan rondaan cegah maksiat supaya dapat membanteras aktiviti tidak bermoral di kawasan ini," katanya.